

01/05/1997

Khamisah berjasa kepada empat PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Tiada pengalaman yang lebih berharga bagi pesara, Khamisah Sabdin, 57, selain dapat berbakti kepada empat Perdana Menteri sejak memulakan tugas sebagai jurutaip pada 1959.

Perasaannya berbau sedih dan bangga pada saat terakhir beliau memasukkan kad perakam waktu tepat jam 4.15 petang di depan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang ini.

Khamisah ketika ditemui selepas majlis berkenaan, berkata beliau berasa senang hati meninggalkan pejabat selepas menyempurnakan tanggungjawab sejak 37 tahun lima bulan, dengan penuh dedikasi.

"Saya amat gembira bertugas di sini. Saya tidak menghadapi masalah dengan semua Perdana Menteri yang pernah berkhidmat di sini kerana semuanya mudah didekati.

"Semua Perdana Menteri mempunyai karektor tersendiri tetapi Dr Mahathir paling istimewa.

"Saya bertuah dapat bekerja dengannya kerana beliau amat baik dan prihatin terhadap kakitangan," katanya.

Khamisah mahu berehat dan meluangkan masa bersama keluarga selepas menumpukan perhatian pada kerjaya sejak mula berusia 19 tahun.

"Saya mahu berehat dan berkebud bersama suami yang sudahpun bersara. Jika dulu suami saya terpaksa berkebud sendirian selepas menghantar saya ke pejabat setiap pagi, kini saya dapat menemaninya," katanya.

Beliau berkhidmat secara kontrak sejak dua tahun lalu apabila tempoh perkhidmatannya berakhir pada 18 April 1995.

"Bagaimanapun, saya rasa senang hati apabila diminta menyambung perkhidmatan kerana gembira bertugas di sini," katanya yang memulakan tugas sebagai jurutaip pada 1959. Ketika berkhidmat di bawah tiga Perdana Menteri terdahulu, beliau menjawat jawatan jurutrenkas.

Beliau dinaikkan jawatan Pembantu Khas Perdana Menteri sebaik saja Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri pada 1981.

Khamisah kini memiliki lima anak hasil perkongsian hidup dengan Yahya Mohammad, pesara Bank Negara Malaysia.

(END)